

UCAPAN TAHNIAH DAN IKRAR TAAT SETIA KERAJAAN
DAN RAKYAT MALAYSIA OLEH PERDANA MENTERI
DI ISTIADAT PERTABALAN DYMM SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI PERTUAN AGONG YANG KETUJUH
PADA 10HB JULAI, 1980

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Mengasi-
hani.

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-
Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah,
Darjah Yang Maha Utama Kerabat Di-Raja Malaysia, Yang Di-
Pertuan Agong Malaysia, dengan kemuliaan dan kebesarannya.

Ampun Tuanku,

Pada saat yang bersejarah serta gilang-gemilang ini, bersempena
dengan hari Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Tuanku, patik bagi Ahli-Ahli Jumaah Menteri, Pegawai-
Pegawai Kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia dari segenap
lapisan dan keturunan kaum dengan perasaan riang gembira dan
dari hati yang jujur, mengangkat sembah takzim serta merafak
ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Tuanku kerana telah dipilih dan dilantik oleh Duli-Duli Yang
Maha Mulia Raja-Raja untuk menaiki Takhta Kerajaan sebagai
Raja Memerintah bagi seluruh Negara Malaysia dan sebagai Yang
Di-Pertuan Agong Yang Ketujuh.

Patek juga merafak sembah untuk menyampaikan ucapan
setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku
Hajjah Afzan binti Tengku Mohammed, Darjah Utama Seri
Mahkota Negara, di atas perlantikan Seri Paduka Baginda menjadi
Raja Permaisuri Agong.

Ampun Tuanku,

Perlembagaan Persekutuan memperuntukan Pemerintahan
Beraja dan Berparlimen. Raja Memerintah adalah dipilih dan di-
lantik secara bergilir-gilir oleh Majlis Raja-Raja. Cara pemilihan
ini adalah istimewa dan amat sesuai dengan keadaan di negara
ini.

Cara Pemerintahan Beraja dan Berparlimen ini telah diamalkan sejak negara mencapai kemerdekaan. Cara ini telah dapat memelihara perpaduan rakyat berbilang kaum. Sesungguhnya, Kebawah Duli Tuanku sebagai ketua negara adalah lambang perpaduan negara. Lambang perpaduan ini telah diperkukuhkan lagi oleh prinsip-prinsip Rukunegara.

Ampun Tuanku,

Sejak merdeka rakyat telah hidup dengan aman, makmur dan bahagia. Dengan izin Allah serta berkat daulat Kebawah Duli Tuanku, keadaan ini adalah diharap akan berterusan dan berpanjangan.

Seluruh rakyat merasa bangga di atas perlantikan seorang Raja Memerintah yang berpengalaman luas yang boleh memberi pimpinan dan panduan yang bijaksana.

Ampun Tuanku,

Kerajaan Tuanku sedang giat menjalankan usaha-usaha pembangunan bagi memajukan lagi negara dan memperbaiki lagi keadaan hidup rakyat.

Berkenaan dengan perhubungan antarabangsa, Kerajaan Tuanku akan meneruskan dasar berbaik-baik dengan semua negara mengikut prinsip hormat-menghormati di antara satu sama lain. Negara ini mempunyai asas-asas hubungan yang rapat dengan negara-negara Islam. Kerajaan Tuanku akan menerus dan memperkukuhkan lagi kerjasama dan hubungan ini.

Dalam hubungan serantau, Kerajaan Tuanku akan berusaha memperkukuhkan lagi kerjasamanya dengan negara-negara ASEAN yang lain. Rakyat negara ini menghargai keamanan dan kestabilan rantau Asia Tenggara. Oleh itu, Kerajaan Tuanku bersama-sama dengan rakan-rakannya dalam ASEAN akan terus berusaha untuk menjayakan konsep Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali.

Berkenaan dengan keselamatan dalam negeri, sungguhpun keadaannya adalah terkawal, tetapi negara masih menghadapi ancaman-ancaman dari anasir-anasir subversif dan pengganas kominis. Kerajaan Tuanku akan terus mengawasi dan mengambil tindakan terhadapnya.

Mengenai dengan pertahanan negara pula, Kerajaan Tuanku telah dan akan terus mengambil tindakan untuk meningkatkan lagi keupayaan pertahanan negara dengan membesar dan memodenkan angkatan tentera.

Ampun Tuanku,

Mengambil sempena hari yang bersejarah dan saat yang mulia ini, patik bagi pihak Ahli-Ahli Jumaah Menteri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan sekalian rakyat, merafakkan sembah ikrar taat setia Kebawah Duli Seri Paduka Tuanku.

Akhirul-kalam, patik semua berdoa kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala, Yang Maha Pengasih lagi Yang Maha Pemurah, mudah-mudahan dilanjutkan usia Kebawah Duli Tuanku dan usia Raja Permaisuri Agong. Patik semua juga berdoa semoga Allah menganugerahkan Kebawah Duli Tuanku, serta Raja Permaisuri Agong dengan taufiq dan hidayah dan sentiasa di dalam sihat-wal'afiat, aman sentosa dan sejahtera.

Amin Ya Rabbul 'Alamin.